

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

PLG 417 - Kaedah Mengajar Sejarah III

Tarikh : 25 Oktober 1987

Masa : 9.00 -11.00 pagi  
( 2 jam)

---

Jawab **TIGA** soalan.

Jawab soalan No. 1 dan DUA soalan yang lain.

1. Semakin utama atau asas sesuatu ide seseorang telah mempelajari, ... semakin bertambah luas penggunaannya kepada masalah-masalah yang baharu" (Bruner, 1960: 18). Huraikan pernyataan tersebut dengan merujuk kepada proses pedagogi dan pemikiran sejarah?

(40 markah)

2. Kajian yang dibuat oleh Hallam (1967) menunjukkan bahawa kanak-kanak sampai ke peringkat operasi formal di mana mereka boleh bertaakul berhubung dengan pernyataan-pernyataan yang abstrak dan membina hipotesis-hipotesis hanya apabila mereka sampai ke peringkat umur 16.2 - 16.6 tahun. Bincangkan implikasi kajian ini terhadap pengajaran-pembelajaran sejarah di Malaysia.

(30 markah)

3. Tingkatan Enam adalah diandaikan sebagai tingkatan yang menyediakan murid untuk memasuki ke Universiti? Cadangkan satu kaedah mengajar sejarah yang anda fikir sesuai digunakan untuk tingkatan tersebut dan beri alasan-alasan mengapa anda memilih kaedah tersebut.

(30 markah)

4. Sebagai seorang guru sejarah, bincangkan sumbangan-sumbangan profesional yang anda boleh berikan kepada masyarakat?

(30 markah)

...2/-

(PLG 417)

- 2 -

5. Sejauhmanakah kurikulum sejarah yang ada sekarang ini (Tingkatan 4 dan 5) mengambil kira aspek-aspek tempatan dan kemasyarakatan?

(30 markah)

oooooooooooo